

01/03/1999

Dua menteri digugur (HL)

Lichong Angkui; Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Ahad - Dua menteri Kabinet negeri dan seorang pembantu menteri digugurkan manakala 11 muka baru disenaraikan sebagai calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya Sabah, 12 hingga 13 Mac ini.

Selain Menteri Pertanian dan Perikanan, Datuk Pandikar Amin Mulia; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dayang Mahani Tun Pengiran Ahmad Raffae serta Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Muhamad Yusuf Amat Jamlee, tiga lagi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) BN juga tidak dicalonkan semula.

Mereka ialah Datuk Steven Kutai (Parti Demokratik Sabah (PDS-Inanam), Datuk Adib Sigoh (Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS-Pensiangan) dan Unding Lana (Umno-Kunak).

Mengumumkan senarai itu pada sidang akhbar di Ibu Pejabat BN di Putatan Square di sini hari ini, Pengerusi BN Sabah, Tan Sri Bernard Dompok, berkata barisan calon yang ditampilkan kali ini cukup mantap kerana wujud keseimbangan muka baru dan lama.

Berdasarkan senarai itu, 24 calon daripada Umno, 12 PDS, lima Parti Maju Sabah (SAPP) dan masing-masing dua daripada Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), PBRS dan Parti Liberal Demokratik (LDP) serta satu MCA.

Dua lagi parti komponen BN Sabah - Gerakan dan MIC - awal-awal lagi mengumumkan tidak akan bertanding.

Menurut Dompok, semua parti komponen bersetuju dengan agihan itu manakala pemilihan calon dibuat oleh parti masing-masing sebelum dikemukakan kepada pimpinan tertinggi BN.

Pada sidang akhbar yang turut dihadiri Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat dan Setiausaha BN negeri, Datuk Karim Bujang, Dompok berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak campur tangan dalam pemilihan calon, sebaliknya keputusan dibuat oleh parti komponen BN di peringkat negeri.

Ditanya rasional pengguguran dua menteri dan seorang pembantu menteri, beliau berkata, perkara itu diputuskan oleh parti masing-masing.

Kerusi Tempasuk yang sebelum ini diwakili Pandikar Amin, kini diambil oleh Umno dan ditandingi Timbalan Ketua Umno Bahagian Kota Belud, Musbah Jamlee manakala Dayang Mahani di Lumadan diganti Ketua Umno Wanita Sipitang, Surinam Sadikum dan Muhamad Yusuf di Lahad Datu diganti oleh bekas kakitangan kerajaan, Samsu Baharum Abdul Rahman.

Sambil yakin rakyat akan meneruskan sokongan kepada BN, Dompok berkata, enam daripada 11 muka baru adalah daripada Umno, masing-masing dua daripada LDP dan PDS dan satu PBRS.

Selain Musbah, Surinam dan Samsu Baharum, tiga lagi muka baru daripada Umno ialah Ketua Pemuda Umno Bahagian Semporna, Jasa Raudah (Kunak); Bendahari Umno Bahagian Semporna, Mohd Lan Allani (Sulabayan); Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Tawau, Dr Patawari Patawe (Merotai).

Muka baru daripada LDP pula ialah bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Presiden LDP, Datuk Chong Kah Kiat (Kudat) dan pemimpin LDP Sandakan, Wong Lien Tat (Karamunting) manakala PDS ialah Ketua Wanita PDS Pusat, Christine Tibok Van Houtten (Inanam) dan Ketua Bahagian PDS Tambunan, Petrus Guriting (Tambunan).

Seorang muka baru daripada PBRS ialah Naib Presidennya, Ellron Alfred Angin (Pensiangan).

Kecuali Gerakan dan MIC yang tidak bertanding serta Pandikar Amin yang melepaskan kawasan Tempasuk kepada Umno, peneraju tujuh parti komponen BN

mempertahankan kawasan masing-masing.

Selain Dompok di Moyog, Pengerusi Badan Perhubungan Umno, Datuk Osu Sukam mempertahankan kerusi Kawang; Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee (Likas); Presiden PBRs, Datuk Joseph Kurup (Bingkor); Pengerusi Perhubungan MCA Sabah, Datuk Chau Tet On (Api-Api) dan Kah Kiat (Kudat).

Dalam perkembangan berkaitan, BN akan mengumumkan manifestonya di Bilik Gerakan BN negeri di sini jam 10 pagi esok.